

# Sedia rumah mampu milik antara cabaran kerajaan

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**  
juani.bakar@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Menyediakan perumahan mampu milik untuk golongan miskin bandar dan kumpulan berpendapatan rendah (B40) menjadi cabaran kerajaan masa kini khususnya di kawasan pesat membangun seperti ibu negara berikutan nilai hartanah yang semakin tinggi.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, selain itu, cabaran kerajaan juga ialah untuk menjaga kebajikan golongan miskin bandar di kawasan perumahan kos rendah serta penduduk Program Perumahan Rakyat (PPR).

“Misalnya, Perumahan Awam Sri Labuan yang berusia hampir 40 tahun, usang, tiada kemudahan lif dan tiada kemudahan tempat letak kereta yang teratur menyebabkan kesesakan, tidak kondusif untuk didiami serta memerlukan kos penyelenggaraan yang tinggi.

“Dalam menyahut cabaran-cabaran ini, baru-baru ini kerajaan melancarkan Panduan Pelaksanaan Pembaharuan Semula Kuala Lumpur yang bertujuan untuk membangunkan semula kawasan usang dan tidak ekonomik dan menjadi kawasan yang berwajah baharu, dan mampu berdaya saing,” katanya dalam Majlis Penyerahan



**MUHYIDDIN** Yassin bersama Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa (tengah) meninjau persekitaran Residensi RazakMas2 selepas majlis penyerahan kunci kepada sebahagian penghuninya di Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

Kunci Rumah kepada Penerima Unit Baru Projek Residensi RazakMas2 di sini semalam.

Dalam pada itu, Muhyiddin memberitahu, pelaksanaan projek pembinaan kediaman merupakan sebahagian daripada inisiatif diperkenalkan kerajaan Perikatan Nasional (PN) bagi membantu rakyat miskin

bandar, B40 dan juga M40.

Perdana Menteri berkata, RazakMas2 menyediakan rumah berkeluasan 805 kaki persegi dengan tiga bilik tidur dan dua bilik air serta pelbagai kemudahan seperti tempat letak kereta berbumbung, dewan serbaguna dan taman permainan dengan nilai pasaran semasa

sekitar RM300,000.

“Saya ingin mengucapkan tahniah kepada 395 pemilik rumah yang akan menerima kunci rumah Residensi RazakMas2 secara percuma serta kepada 245 penyewa yang ditawarkan pemilikan rumah dengan harga subsidi RM198,000,” kata Muhyiddin: